

**KESAN INTERVENSI BANTUAN LANGSUNG TUNAI BERSYARAT
TERHADAP ISU KEMISKINAN DAN PEMULIHARAAN ALAM SEKITAR:
ULASAN SKOP**

**IMPACT OF CONDITIONAL CASH TRANSFER INTERVENTION ON
POVERTY AND ENVIRONMENT CONSERVATION:
A SCOPING REVIEW**

*MOHD SUFFIAN MOHAMED ESA
Universiti Kebangsaan Malaysia
P119490@siswa.ukm.edu.my/suffian @maiwp.gov.my

HAIRUNNIZAM WAHID
Universiti Kebangsaan Malaysia
hairun@ukm.edu.my

SALMY EDAWATI YAACOB
Universiti Kebangsaan Malaysia
sally1001@ukm.edu.my

A PEER-REVIEWED ARTICLE
(RECEIVED – 20/10/2023; REVISED – 13/11/2023; ACCEPTED – 21/11/2023)

ABSTRACT

Poverty and pollution are two important worldwide issues that are inextricably linked. The goal of this research is to determine the impact of Conditional Cash Transfer (CCT) interventions on poverty and environmental conservation. The research employs scoping review analysis to ensure that the study's objectives are met. Procedures include protocol review processes and study question design, as well as systematic search strategies using databases such as Web of Science, Scopus, and Google Scholar. The next process is data extraction and analysis. The study's themes are divided into four categories: (1) reducing deforestation, (2) CCT & PES Program Synergy, (3) Changing Beneficiary Attitudes to the Environment, and (4) CCT Effects on Poverty and Environmental Conservation. The study provides a thorough evaluation of the development of CCT programs for poverty eradication and protecting the environment. Finally, this research will be valuable for policymakers especially zakat institutions in developing more comprehensive poverty eradication and environmental conservation policies.

Keywords: Conditional Cash Transfer, Poverty, Environment, Zakat Institution

ABSTRAK

Kemiskinan dan pencemaran merupakan dua isu global yang saling berkait rapat. Objektif kajian ini adalah bagi menentukan kesan campur tangan program Bantuan Langsung Tunai Bersyarat terhadap kemiskinan dan pemuliharaan alam sekitar. Kajian ini menggunakan analisis ulasan skop bagi memastikan objektif yang telah ditetapkan akan tercapai. Metodologi kajian adalah termasuk proses semakan protokol dan reka bentuk soalan kajian, strategi pencarian sistematik menggunakan pangkalan data seperti Web of Science, Scopus dan Google Scholar. Proses seterusnya ialah

pengekstrakan dan analisis data. Tema kajian dibahagikan kepada empat kategori: (1) Pengurangan penebangan hutan, (2) Sinergi Program CCT & PES, (3) Kesan perubahan sikap penerima bantuan terhadap pemeliharaan alam sekitar, dan (4) Pengaruh program CCT kepada hubungan kemiskinan dan alam sekitar. Kajian ini menyediakan penilaian menyeluruh terhadap pembangunan program CCT untuk pembasmian kemiskinan dan pemuliharaan alam sekitar. Akhir sekali, penyelidikan ini akan memberi manfaat kepada penggubal dasar terutamanya institusi zakat dalam membangunkan dasar pembasmian kemiskinan dan pemuliharaan alam sekitar secara lebih menyeluruh.

Kata kunci: Bantuan Langsung Tunai Bersyarat, Kemiskinan, Alam Sekitar, Institusi Zakat

1. PENGENALAN

Bantuan langsung tunai bersyarat/ *conditional cash transfer* (CCT) merupakan bantuan kewangan yang diberikan oleh pihak Kerajaan kepada golongan miskin melalui intervensi syarat tingkahlaku (*conditionality*). Syarat tingkahlaku bermaksud tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh penerima bantuan bagi memastikan bantuan tersebut tidak ditamatkan. Objektif sebenar program ini adalah secara bersepadu iaitu mengurangkan kadar kemiskinan dan jurang kekayaan serta pembangunan modal insan golongan tersebut. Di peringkat global, antara syarat tingkahlaku yang popular dalam program CCT adalah melalui dimensi pendidikan seperti tanggungjawab memastikan kehadiran anak-anak penerima bantuan ke sekolah mengikut peraturan kehadiran tertentu biasanya di antara 80-90% manakala bagi dimensi kesihatan pula tanggungjawab memastikan kehadiran anak-anak ke pemeriksaan kesihatan secara berkala (Fiszbein & Schady, 2009; Ford et al., 2020; Hartarto et al., 2021; Kabeer et al., 2012; Saucedo Delgado et al., 2018; Son, 2008). Program ini mula dibangunkan di negara-negara Amerika Latin. Kini program CCT telah dilaksanakan oleh lebih 60 negara di peringkat global.

Pembasmian kemiskinan dan isu pemanasan global merupakan dua cabaran utama yang berlaku pada masa ini serta saling berkaitan. Sungguhpun banyak kajian secara meluas yang menunjukkan perubahan iklim menghalang kepada usaha pembasmian kemiskinan, malah tiada konsensus mengenai dapatan kajian sebaliknya berkemungkinan disebabkan oleh limitasi kajian lepas (Malerba, 2020). Kajian hubungan antara pelbagai bentuk *outcome* pembangunan mampan adalah kunci untuk memahami peralihan kemampanan. Walau bagaimanapun, bukti yang kukuh mengenai *outcome* bersepadu antara dimensi sosial dan alam sekitar melalui matlamat pembangunan mampan masih terhad (Dyngeland et al., 2020).

Bayaran untuk perkhidmatan ekosistem (*payment for ecosystem services*) (PES) merupakan program yang diberi gelaran sebagai bantuan langsung tunai bersyarat berhubung alam sekitar. Pelaksanaan program PES berlaku dengan insentif kewangan diberikan kepada pengurus sumber semula jadi (biasanya pemilik tanah) dengan syarat tingkahlaku perkhidmatan berkenaan

pemeliharaan alam sekitar atau penjagaan tanah. Menurut (Fripp, 2014), PES berlaku apabila pihak berkepentingan dalam perkhidmatan ekosistem tersebut membuat pembayaran terhadap perkhidmatan yang dibekalkan. Idea asas program adalah pihak yang menyediakan perkhidmatan ekosistem akan dibayar oleh pihak berkepentingan contohnya pihak Kerajaan sebagai pembekal dana kepada program ekosistem tersebut. Antara contoh perkhidmatan ekosistem yang dilaksanakan adalah peningkatan kualiti air di bandar New York, Amerika Syarikat dan program penyerapan karbon di Costa Rica (Fripp, 2014). PES merupakan program perintis di peringkat global bagi melindungi biodiversiti dan kawasan tadahan air, serta mengurangkan perubahan iklim melalui pengurangan aktiviti penebangan hutan. Polisi yang dibangunkan menerusi program PES bertujuan untuk meningkatkan pemuliharaan dan kesejahteraan ekosistem (Avila-Foucat et al., 2021). Di samping itu, wujud persamaan di antara program CCT dan PES antaranya kedua-dua program menyediakan insentif kewangan kepada penerima dengan syarat tingkahlaku tertentu bagi mengubah sikap penerima bantuan dalam mencapai matlamat kesejahteraan sosial.

Kajian lepas menunjukkan wujud hubungan langsung di antara kemiskinan dan alam sekitar. Kajian yang dilaksanakan oleh Castañeda et al. (2018) melaporkan kebanyakan keluarga berpendapatan rendah tinggal di kawasan miskin dan bergantung kepada sumber daripada alam sekitar. (Alix-Garcia et al., 2013) mendapati berlakunya peningkatan dalam penebangan hutan dalam program CCT, Oportunidades di negara Mexico. Dapatan kajian ini kebarangkaliannya berpunca daripada peningkatan dalam penggunaan daging lembu dan susu. Selain itu, kajian oleh (Zwane, 2007) mendapati di negara Peru, dapatan kajian menunjukkan korelasi positif antara pertumbuhan pendapatan dalam keluarga berpendapatan rendah dengan penebangan hutan. Melalui program di negara Uganda, (Jayachandran et al., 2017) mendapati bagaimana bagaimana pemilik tanah yang menerima bantuan langsung tunai bersyarat dengan dimensi pemuliharaan alam sekitar, keputusan yang positif dapat diperolehi. Semua dapatan kajian menunjukkan hubungan yang wujud di antara masalah kemiskinan dan alam sekitar serta peranan yang dimainkan oleh program CCT dalam memberi impak kepada kedua-dua isu tersebut. Oleh itu, kajian ini akan menilai kesan intervensi program CCT terhadap isu kemiskinan dan pemeliharaan alam sekitar.

2. METODOLOGI

2.1 Pembentukan persoalan kajian

Pembentukan persoalan kajian yang dibentuk berperanan sebagai garis panduan bagi ulasan skop: Apakah kesan intervensi bantuan langsung tunai bersyarat terhadap isu kemiskinan dan alam sekitar?”

2.2 Strategi pencarian sistematik

Tiga prosedur sistematik yang terlibat dalam strategi pencarian sistematik melibatkan proses pengenalan, saringan dan penentuan kelayakan. Fasa-fasa ini dilakukan bagi memastikan proses pencarian dilaksanakan dengan teliti (Rajah 1).

2.2.1 Pengenalan


Kata kunci yang digunakan dalam kajian ini berdasarkan persoalan kajian yang dibentuk adalah *conditional cash transfer*, *climate change*, *environment* dan *payment for ecosystem* dengan pencarian dilaksanakan melalui pengkalan data Scopus dan Web of Science serta carian manual pada Google Scholars. Menerusi usaha pencarian, sebanyak 167 artikel diperolehi.

2.2.2 Saringan

Proses saringan merupakan prosedur kedua yang dilaksanakan dalam strategi pencarian sistematik bagi memastikan hanya artikel berkaitan dengan persoalan kajian dipilih. (Kitchenham & Charters, 2007) menekankan bahawa mana-mana kriteria boleh dipilih oleh pengarang selagi kriteria dapat menerangkan persoalan kajian. Saringan yang dilaksanakan mengambilkira artikel dalam tempoh 5 tahun terkini bagi mengenalpasti dapatan kajian terbaru berkaitan program CCT, kemiskinan dan alam sekitar, dokumen berbentuk artikel sahaja dipilih, medium Bahasa Inggeris bagi mengelakkan kesilapan terjemahan serta topik berkaitan topik ekonomi, sains sosial dan pengurusan perniagaan sahaja dipilih bagi memfokuskan impak berkaitan ekonomi. Proses saringan telah mengeluarkan sebanyak 88 artikel manakala baki 79 artikel dikekalkan.

2.2.3 Kelayakan

Proses tapisan akhir merupakan proses pembacaan abstrak bagi memastikan artikel yang berkaitan dengan persoalan kajian sahaja dipilih. Sejumlah 48 artikel dikeluarkan kerana tidak memenuhi kata kunci dan persoalan kajian. Selain itu, proses mengeluarkan artikel pendua iaitu artikel yang sama dari pengkalan data berbeza serta artikel yang tidak boleh dicapai. Proses ini menapis keluar 15 lagi artikel manakala baki 16 artikel kekal untuk proses semakan dan analisis skop.



Rajah 1: Carta Alir


2.3 *Pengekstrakan dan analisis data*

Proses pengekstrakan data dipandu oleh persoalan kajian. Kajian kualitatif menggunakan analisis tematik untuk menilai data yang telah diekstrak. Analisis ini mengenal pasti tema berdasarkan corak yang diperolehi daripada kajian yang dipilih berdasarkan persamaan dan korelasi antara data yang diabstrakkan (Braun & Clarke, 2006). Pada peringkat pertama sintesis, data yang serupa atau berkaitan antara satu sama lain telah dikumpulkan dalam tema tertentu. Pada peringkat ini, enam utama tema telah dikenalpasti. Pada peringkat kedua, tema telah diperiksa semula untuk memastikan kegunaan dan ketepatan tema mewakili data. Semasa proses ini, empat tema akhir telah dipilih iaitu: pengurangan penebangan hutan, sinergi program CCT dan PES, kesan perubahan sikap penerima bantuan terhadap pemeliharaan alam sekitar dan pengaruh program CCT kepada hubungan kemiskinan dan alam sekitar.


3. DAPATAN KAJIAN

3.1 *Latar belakang*


Kajian ini melibatkan 16 artikel. Majoriti kajian dilaksanakan di negara Brazil (7 kajian), Mexico (5 kajian) seterusnya diikuti oleh Colombia (2 kajian). Seperti sudah dijangka, kebanyakan kajian berlaku di negara Amerika Latin kerana program CCT bermula di benua tersebut manakala baki kajian adalah di negara Indonesia (1 kajian) dan melibatkan banyak negara global (1 kajian). Kebanyakan artikel diterbitkan pada tahun 2020 (4 kajian), diikuti oleh tahun 2018, 2021 dan 2023 (3 kajian), 2019 (2 kajian) dan 2022 (1 kajian). Dari sudut metodologi, majoriti kajian menggunakan kaedah kuantitatif (12 kajian) manakala selebihnya menggunakan kaedah kualitatif (4 kajian) (Graf 1, Graf 2 dan Graf 3).



Graf 1 : Bilangan kajian mengikut negara



Graf 2 : Bilangan kajian mengikut tahun



Graf 3 : Bilangan kajian mengikut metodologi kajian

3.2 *Pembentukan Tema*

3.2.1 *Pengurangan Penebangan Hutan*

Secara umumnya, kajian lepas menunjukkan program CCT memberi impak positif kepada pemeliharaan hutan seterusnya mengurangkan kadar penebangan hutan (Alix-Garcia et al., 2018; Avila-Foucat et al., 2021; Ferraro & Simorangkir, 2020; Malerba, 2020; Rigolini, 2022; Rønningstad & Jelsness, 2020). Sebagai contoh, di negara Brazil, program CCT Bolsa Familia berjaya mengurangkan kadar penebangan pokok sebanyak 30% dalam komuniti miskin di kawasan pedalaman (Rigolini, 2022) serta pada peraturan yang sama turut berlaku di negara Indonesia (Ferraro & Simorangkir, 2020). Walau bagaimanapun, kajian oleh (Rocha & Meyer, 2023) mendapati berlaku peningkatan penebangan hutan di kawasan Amazon dan Cerrado di negara Brazil. Kajian juga membincangkan mengenai keberkesanan kos program (Alix-Garcia et al., 2019; Alix-Garcia et al., 2019; Costa, 2023; Ferraro & Simorangkir, 2020; Rønningstad & Jelsness, 2020). Kajian yang dilaksanakan oleh Ferraro & Simorangkir (2020) mendapati nilai ekonomi bagi pelepasan karbon yang dielakkan dianggarkan lebih tinggi berbanding dengan kos pelaksanaan program. Manakala kajian lain yang dilaksanakan oleh (Alix-Garcia et al., 2019) mencadangkan pendekatan yang lebih kos efektif dalam melaksanakan program CCT yang menasaskan perubahan sikap penerima bantuan terhadap penebangan hutan. Kajian lain oleh Costa (2023) pula merumuskan pihak Kerajaan wajar mengambilkira aktiviti lain yang lebih menarik berbanding penggunaan sumber hutan dengan kesan kos melepas bagi mengurangkan penebangan hutan seterusnya meningkatkan pemeliharaan alam sekitar. Seterusnya kajian yang dilaksanakan oleh Rønningstad (2020) di Brazil mendapati kesan daripada program CCT berjaya mengurangkan penebangan hutan serta merumuskan faedah yang diperolehi adalah tiga kali ganda berbanding kos program. Selain itu, kajian lain oleh Malerba (2020) turut mendapati komuniti yang menerima bantuan program memberi impak kepada pemeliharaan penebangan hutan berbanding dengan awasan komuniti yang tidak menerima bantuan program CCT manakala kajian oleh Costa (2023) merumuskan bahawa impak yang berbeza akan diperolehi daripada umpulan komuniti yang berbeza dalam merabentuk program CCT.

3.2.2 Sinergi Program CCT & PES

Bagi tema kedua, perbincangan tertumpu kepada kerjasama dan sinergi di antara program CCT dengan program PES. Terdapat kajian yang menilai interaksi dan

penyelarasan di antara program CCT khusus berkaitan pemeliharaan alam sekitar dengan program CCT sedia ada (Avila-Foucat et al., 2021; Izquierdo-Tort, 2020). Interaksi program PES dengan program CCT melibatkan bentuk skop liputan, pengurusan, perbelanjaan dana dan impak sosioekonomi kepada penerima di negara Mexico (Izquierdo-Tort, 2020). Kajian lepas turut mendapati wujud dapatan positif interaksi sosioekonomi kedua program melibatkan pelbagai peringkat kerana penerima bantuan dapat meningkatkan pendapatan seterusnya pertumbuhan sosioekonomi keluarga hasil dari kedua-dua bantuan yang diterima. Kajian lepas turut mencadangkan supaya pembuat polisi mengambilkira isu di peringkat mikro dan makro bagi menyesuaikan peranan program PES dalam penggabungan polisi bagi membentuk program yang lebih efektif (Izquierdo-Tort, 2020). Kajian lain turut mencadangkan PES sebagai program pemeliharaan alam sekitar dengan elemen CCT yang boleh dipromosikan ke peringkat global (Alix-Garcia et al., 2018). Selain itu, melalui program PES di negara Mexico, kontrak program CCT dengan model yang diperkenalkan iaitu kesanggupan menerima (WTA) berupaya menjimatkan bajet. Kontrak tersebut merupakan model cadangan kerjasama program berkaitan pemeliharaan alam sekitar bagi meningkatkan impak program dengan penggunaan bajet yang lebih rendah (Alix-Garcia et al., 2019). Kajian lain turut mendapati bukan program CCT alam sekitar seperti program PES sahaja yang memberikan impak tetapi pelaksanaan perkhidmatan kesihatan alam sekitar dengan kombinasi bantuan tunai program Bolsa Familia di negara Brazil memberi impak positif dalam meningkatkan pencegahan penyakit cirit-birit seterusnya mengurangkan kadar kematian kanak-kanak di bawah 5 tahun akibat penyakit tersebut (de Souza et al., 2021).

3.2.3 Perubahan Sikap Penerima Bantuan Terhadap Alam Sekitar

Kajian lepas mendapati bantuan program CCT berupaya meningkatkan aktiviti pengurusan tanah yang lebih baik antaranya meronda untuk aktiviti haram, membina tempat memadam kebakaran, mengawal serangga perosak, atau menggalakkan pemuliharaan tanah dengan penambahbaikan sebanyak 50%. Kajian turut mendapati bantuan CCT mengubah sikap penerima kepada lebih positif serta impak terhadap aktiviti yang tidak dibayar juga tidak menurun. Kajian turut merumuskan program CCT menyokong kepada pengurusan tanah dan sikap penerima bantuan ke arah yang lebih baik (Alix-Garcia et al., 2018; Alix-Garcia et al., 2019). Kesan program CCT

kepada aspek permintaan dalam ekonomi sama ada positif ataupun negatif. Sebagai contoh, permintaan boleh meningkatkan untuk penggunaan bahan mentah daripada alam sekitar atau mengelakkan penggunaan sumber alam kesan daripada peningkatan pendapatan isirumah (Costa,2023). Kajian lain turut merumuskan bahawa dengan syarat tingkahlaku yang betul, program CCT boleh mempengaruhi sikap penerima bantuan dalam menguruskan alam sekitar di samping meningkatkan konsumtif (Rigolini, 2022). Seterusnya, kajian terhadap masyarakat orang asli di negara Brazil turut mengambilkira kesan bantuan CCT terhadap impak alam sekitar. Dapatan kajian merumuskan bantuan tunai yang diterima mengubah peruntukan masa masyarakat tersebut daripada masa untuk aktiviti sara hidup kepada aktiviti masa lapang dijangka memberi impak berbeza kepada alam sekitar (dos Reis Cunha et al., 2018).

3.2.4 Pengaruh CCT terhadap kemiskinan dan pemeliharaan alam sekitar

Kajian lepas turut mendapati impak positif program CCT terhadap alam sekitar melalui pelaburan dalam memastikan isi rumah memperolehi air bersih, pembekalan perkhidmatan sanitasi dan sisa pepejal berupaya mengurangkan insiden kematian akibat kekurangan zakat makanan dan cirit-birit (de Souza et al., 2021; Souza et al., 2021). Kajian oleh Malerba (2020) mendapati penerimaan bantuan tunai oleh isirumah mempunyai hubungan dengan peningkatan pembelian tanah bagi tujuan peningkatan sara hidup. Sungguhpun begitu, kajian mendapati kadar penebangan hutan tidak meningkat malah menunjukkan penurunan berbanding di kawasan komuniti yang tidak menerima bantuan melalui program CCT. Sungguhpun begitu, kajian oleh (Arena et al., 2023) mendapati program CCT bukan merupakan program yang memberi solusi universal dalam mengurangkan kemiskinan dan perubahan iklim. Kajian lain yang dilaksanakan di negara Brazil oleh (Rønningstad & Jelsness, 2020) mendapati program CCT Bolsa Familia berjaya menurunkan tekanan penerokaan hutan dengan menyediakan bantuan kepada golongan berpendapatan rendah bagi mengurangkan kemiskinan mereka. Kajian turut merumuskan bahawa program pembasmian kemiskinan berupaya memberi faedah kepada pemeliharaan alam sekitar. Seterusnya kajian oleh Rocha & Meyer (2023) mendapati berlaku peralihan pembangunan di kawasan hutan kesan bantuan CCT iaitu peningkatan penerokaan hutan kerana berlakunya perluasan kawasan aktiviti untuk pertanian dan penternakan. Peranan dalam menangani masalah ekonomi melibatkan pemeliharaan alam sekitar

dan masalah sosial merupakan masalah yang perlu difikirkan bersama oleh pihak korporat dan kerajaan (Pereira Junior & Moroni, 2022). Selain itu, kajian lain turut merumuskan bahawa program pembasmian kemiskinan yang menasaskan golongan miskin tegar dapat membantu mencapai matlamat pemeliharaan alam sekitar peringkat global dengan syarat-syarat tertentu (Ferraro & Simorangkir, 2020). Akhir sekali, data daripada program PES menunjukkan berlaku peningkatan tanggungjawab sosial masyarakat melibatkan sikap, jalinan kerjasama, peringkat institusi sebanyak 9% berbanding kumpulan masyarakat yang tidak menerima bantuan (Alix-Garcia et al., 2019).

3.3 *Perbincangan Kajian*

Menerusi dapatan kajian lepas, perbincangan mengenai peranan program CCT sememangnya berfokuskan pembasmian kemiskinan sama ada menerusi kesan jangka pendek mahupun jangka panjang. Oleh yang demikian, program CCT yang dibangunkan meletakkan syarat tingkahlaku yang sesuai dengan matlamat tersebut. Program-program yang dilaksanakan oleh kebanyakan negara meletakkan dimensi pendidikan dan kesihatan sebagai syarat tingkahlaku. Sungguhpun begitu, kajian demi kajian dijalankan ke atas pelbagai impak lain selain daripada kemiskinan dan pembangunan modal insan. Dari situ, program CCT terus berkembang kepada rekabentuk syarat tingkahlaku pekerjaan seperti yang dilaksanakan oleh negara Amerika Syarikat menerusi program Family Rewards. Kini, elemen syarat tingkahlaku tersebut turut digunapakai bagi membangunkan program CCT yang menasaskan *outcome* pemeliharaan alam sekitar seperti program PES.

Kajian lepas berkenaan hubungan di antara program CCT dengan pemeliharaan alam sekitar tertumpu kepada isu penebangan hutan. Didapati banyak kajian lepas merumuskan bahawa program CCT mampu memberikan impak kepada penurunan kadar penebangan hutan tersebut (Alix-Garcia et al., 2018; Avila-Foucat et al., 2021; Ferraro & Simorangkir, 2020; Malerba, 2020; Rigolini, 2022; Rønningstad & Jelsness, 2020). Sungguhpun begitu, terdapat sebahagian kajian yang lain mengatakan berlaku peningkatan tetapi bilangan kajian agak kecil. Terdapat program CCT yang hanya memfokuskan impak kepada alam sekitar seperti PES selain wujud program CCT yang memfokuskan kepada pembasmian kemiskinan dan modal insan. Melalui kerjasama dan sinergi kedua-dua program ini, penyelarasan gerak yang lebih efektif mampu menggerakkan kedua-dua program bagi mencapai semua objektif yang telah ditetapkan.

Perbincangan terhadap syarat tingkahlaku juga penting kerana peranan syarat tersebut berupaya meningkatkan kesedaran penerima bantuan terhadap kepentingan menjaga dan mengekalkan pemeliharaan alam sekitar. Penerimaan dana bantuan akan meningkatkan pendapatan dan kuasa berbelanja golongan miskin. Penekanan kepada mentaliti untuk berbelanja tanpa memberi impak negatif kepada alam sekitar. Seterusnya, program CCT mampu membasmi kemiskinan dan meningkatkan pemeliharaan alam sekitar secara serentak. Melalui bantuan yang diagihkan, pengurusan sanitasi dan sisa pepejal dapat diuruskan dengan baik seterusnya memberi impak kepada tahap kesihatan golongan miskin serta mengurangkan kadar kematian akibat penyakit berjangkit (de Souza et al., 2021; Souza et al., 2021). Pelaksanaan bantuan berbentuk CCT juga turut meningkatkan pendapatan penduduk, mengurangkan kadar kemiskinan di samping meningkatkan pemeliharaan hutan dan alam sekitar (Ferraro & Simorangkir, 2020; Rønningstad & Jelsness, 2020).

3.4 Implikasi dan Jurang Kajian

Perbincangan kesan intervensi program CCT kepada isu kemiskinan dan pemeliharaan alam sekitar membuka lembaran baru dalam merencanakan polisi berkaitan pembasmian kemiskinan terutama oleh pihak institusi zakat. Melalui program CCT yang bersepadu dengan mengambilkira matlamat pembasmian kemiskinan, pembangunan modal insan dan pemeliharaan alam sekitar, impak yang lebih holistik berpotensi untuk dicapai. Antara program yang boleh dilaksanakan adalah dengan meletakkan tingkahlaku bersyarat untuk penjagaan alam sekitar oleh penerima bantuan zakat. Dari sudut maqasid syariah, penekanan bahawa kejadian alam dan segala merupakan hak mutlak Allah SWT manakala manusia bertanggungjawab menguruskannya mengikut ketetapan hukum syarak (Mustafar et al., 2020). Impak bantuan bukan sahaja secara langsung kepada penerima bantuan, tetapi elemen pembangunan modal insan dan pemeliharaan alam sekitar akan memberikan kesan kepada komuniti dalam tempoh jangka masa pendek, sederhana dan jangka masa panjang. Kajian ini membuktikan bahawa dengan pelaksanaan program CCT yang sesuai dengan golongan sasaran serta rekabentuk syarat tingkahlaku yang betul, program yang dibangunkan mampu memberi impak positif. Walau bagaimanapun, isu dan kelemahan yang berlaku dalam pelaksanaan program sebelum ini wajar diambilkira bagi memastikan pembangunan program CCT oleh institusi zakat adalah berkesan.

Berdasarkan dapatan ulasan skop, antara jurang kajian yang diperolehi adalah kajian lepas banyak memfokuskan *outcome* berkenaan kemiskinan dan penebangan hutan kerana

program bantuan CCT dilaksanakan di kawasan pedalaman negara Brazil dan Mexico. *Outcome* kemiskinan dan pemeliharaan alam sekitar di kawasan bandar seperti isu pencemaran air dan udara wajar menjadi pertimbangan kajian pada masa hadapan.

4. KESIMPULAN

Matlamat utama kajian ini adalah bagi menyediakan ulasan skop impak program CCT terhadap isu kemiskinan dan pemeliharaan alam sekitar. Kajian ini menyumbang kepada input yang signifikan dalam korpus ilmu serta cadangan praktikal untuk dilaksanakan oleh pembuat polisi. Berdasarkan dapatan kajian, pihak berkepentingan terutamanya institusi zakat boleh membangunkan polisi pembasmian kemiskinan yang lebih bersepadu. Dapatan kajian turut mendapati pelaksanaan program CCT di peringkat awal memfokuskan kepada isu penebangan hutan melibatkan kawasan komuniti pedalaman negara Amerika Latin dan Indonesia. Pelaksanaan program CCT sama ada secara langsung dengan sasaran pemeliharaan alam sekitar (program PES) ataupun tidak langsung (Program CCT seperti Bolsa Familia) bukan sahaja memberi impak positif kepada kemiskinan dan pemeliharaan alam sekitar tetapi perubahan sikap penerima bantuan dalam menjaga dan mengekalkan kelestarian alam sekitar. Akhir sekali, dapatan kajian memberi sumbangan penting kepada pembuat polisi dalam merencana program pembasmian kemiskinan yang lebih komprehensif dan menyeluruh.

5. RUJUKAN

- Alix-Garcia, J., McIntosh, C., Sims, K. R., & Welch, J. R. (2013). The ecological footprint of poverty alleviation: evidence from Mexico's Oportunidades program. *Review of Economics and Statistics*, 95(2), 417-435.
- Alix-Garcia, J. M., Sims, K. R., Orozco-Olvera, V. H., Costica, L. E., Fernández Medina, J. D., & Romo Monroy, S. (2018). Payments for environmental services supported social capital while increasing land management. *Proceedings of the National Academy of Sciences*, 115(27), 7016-7021.
- Alix-Garcia, J. M., Sims, K. R., & Phaneuf, D. J. (2019). Using referenda to improve targeting and decrease costs of conditional cash transfers. *Journal of Public Economics*, 176, 179-194.
- Alix-Garcia, J., Sims, K. R. E., Orozco-Olvera, V., Costica, L., Fernandez Medina, J. D., Romo-Monroy, S., & Pagiola, S. (2019). Can Environmental Cash Transfers Reduce Deforestation and Improve Social Outcomes? A Regression Discontinuity Analysis of Mexico's National Program (2011-2014). *A Regression Discontinuity Analysis of Mexico's National Program (2011-2014)(January 17, 2019). World Bank Policy Research Working Paper (8707)*.
- Arena, M., Guasti, A., & Hussein, H. (2023). Can conditional cash transfers reduce vulnerability to climate change? *Climate Policy*, 23(4), 462-476.
- Avila-Foucat, V. S., Rodriguez-Robayo, K. J., Jones, K. W., Pischke, E. C., Torrez, D., Salcone, J., Selfa, T., & Halvorsen, K. E. (2021). Household's Allocation of Payment for Ecosystem

- Services in “La Antigua” Watershed, Veracruz, México. *The Journal of Environment & Development*, 30(2), 191-213.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77-101.
- Costa, P. J. M. (2023). *Cash Transfers and the Environment*
- de Souza, A. A., Mingoti, S. A., Paes-Sousa, R., & Heller, L. (2021). Combination of Conditional Cash Transfer Program and Environmental Health Interventions Reduces Child Mortality: An Ecological Study of Brazilian Municipalities. *BMC Public Health*, 21, 1-13.
- dos Reis Cunha, P., Rodrigues Neto, C., & Morsello, C. (2018). Giving Cash to Indigenous People Increases Deforestation?
- Dyngeland, C., Oldekop, J. A., & Evans, K. L. (2020). Assessing Multidimensional Sustainability: Lessons from Brazil’s Social Protection Programs. *Proceedings of the National Academy of Sciences*, 117(34), 20511-20519.
- Ferraro, P. J., & Simorangkir, R. (2020). Conditional Cash Transfers to Alleviate Poverty also Reduced Deforestation in Indonesia. *Science Advances*, 6(24), eaaz1298.
- Fiszbein, A., & Schady, N. R. (2009). *Conditional Cash Transfers*. <https://doi.org/10.1596/978-0-8213-7352-1>
- Ford, K. J., Lourenço, B. H., Cobayashi, F., & Cardoso, M. A. (2020). Health outcomes of the Bolsa Família Program among Brazilian Amazonian Children. *Revista de Saúde Pública*, 54, 2.
- Fripp, E. (2014). *Payments for Ecosystem Services (PES): A Practical Guide to Assessing the Feasibility of PES projects*. CIFOR.
- Hartarto, R. B., Wardani, D. T. K., & Azizurrohman, M. (2021). A Qualitative Study of Conditional Cash Transfer and Education Aspirations: Evidence from Yogyakarta. *Journal of Social Service Research*, 47(6), 776-785. <https://doi.org/10.1080/01488376.2021.1918314>
- Izquierdo-Tort, S. (2020). Payments for ecosystem services and conditional cash transfers in a policy mix: Microlevel interactions in Selva Lacandona, Mexico. *Environmental Policy and Governance*, 30(1), 29-45.
- Jayachandran, S., De Laat, J., Lambin, E. F., Stanton, C. Y., Audy, R., & Thomas, N. E. (2017). Cash for carbon: A Randomized Trial of Payments for Ecosystem Services to Reduce Deforestation. *Science*, 357(6348), 267-273.
- Kabeer, N., Piza, C., & Taylor, L. (2012). What are the Economic Impacts of Conditional Cash Transfer Programmes? A Systematic Review of the Evidence. *EPPI Centre, Social Science Research Unit, Institute of Education & University of London (eds.)*.
- Kitchenham, B., & Charters, S. (2007). Guidelines for Performing Systematic Literature Reviews in Software Engineering. In: UK.
- Malerba, D. (2020). Poverty Alleviation and Local Environmental Degradation: An Empirical Analysis in Colombia. *World Development*, 127, 104776.
- Mustafar, F. W., Hamdan, M. H. D., Jusoh, N., & Mustafar, S. (2020). Penjagaan Alam Sekitar menurut Maqasid Syariah dan Undang-Undang. *Journal of Law and Governance*, 3(1), 96-112.
- Pereira Junior, A., & Moroni, J. (2022). Economic decision-making systems in critical times: The case of ‘Bolsa Família’ in Brazil. *Cognitive Computation and Systems*, 4(3), 304-315.
- Rigolini, J. (2022). Social Protection and Labor: A Key Enabler for Climate Change Adaptation and Mitigation.
- Rocha, R., & Meyer, I. (2023). The Relationship between Income and Deforestation in Brazil: the impact of Bolsa Família program.
- Rønningstad, S. H., & Jelsness, T. S. (2020). *Poverty Alleviation and Deforestation in Brazil: Empirical Evidence from the Bolsa Escola/Família Program: A Difference-in-difference Analysis of How Increased Income Affects Deforestation in Brazilian Municipalities*

- Saucedo Delgado, O. A., Kadelbach, V., & Mata Mata, L. (2018). Effects of Conditional Cash Transfers (CCT) in Anti-Poverty Programs. An Empirical Approach with Panel Data for the Mexican Case of PROSPERA-Oportunidades (2002–2012). *Economies*, 6(2), 29.
- Son, H. H. (2008). Conditional Cash Transfer Programs: An Effective Tool for Poverty Alleviation?
- Souza, A. A. d., Mingoti, S. A., Paes-Sousa, R., & Heller, L. (2021). Combined Effects of Conditional Cash Transfer Program and Environmental Health Interventions on Diarrhea and Malnutrition Morbidity in Children less than five years of age in Brazil, 2006–2016. *Plos one*, 16(3), e0248676.
- Zwane, A. P. (2007). Does Poverty Constrain Deforestation? Econometric Evidence from Peru. *Journal of Development Economics*, 84(1), 330-349.